

# PABD adakan Majlis Apresiasi



**REKTOR** Universiti Islam Sultan Sharif Ali semasa menyampaikan sijil pada Majlis Apresiasi Perdana dan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4.

**KIULAP**, Ahad, 10 Januari. - Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) mengadakan Majlis Apresiasi Perdana dan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4 yang berlangsung di Hotel Higher, hari ini, di sini.

Majlis tersebut dihadiri oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Johar bin Haji Mohammad dan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal yang merupakan Penasihat - Penasihat Kehormat PABD.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua PABD, Awang Haji Mahadi bin Haji Md. Tahir dan dirasmikan oleh Ahli Lembaga Penasihat PABD.

Mesyuarat Agung Tahunan dimulakan dengan penyampaian anugerah oleh Penasihat Kehormat PABD kepada dua penerima anugerah antarabangsa, iaitu NameExoWorlds Brunei Darussalam 2019 dan Telescopes for All 2020.

Sijil Pencapaian yang

dianugerahkan oleh International Astronomical Union (IAU) diberikan kepada Pengiran Mohammad Rezal bin Pengiran Haji Osman kerana memenangi cadangan dalam menamakan bintang 'Gumala' dan exoplanet 'Mastika', sebahagian daripada kempen nasional yang dianjurkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Projek IAU100 NameExoWorlds, juga sebahagian daripada Perayaan Ulang Tahun Ke-100 International Astronomical Union (IAU100) pada tahun 2019.

Penerima Anugerah Telescopes For All pula diberikan kepada Ahli PABD, Dayang Nur Bazilah binti Zainal Abidin atas cadangan Making Space for All (MASA) yang dianjurkan oleh IAU pada Jun 2020.

Projek MASA tersebut adalah bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang inklusif bagi mempromosikan keselamatan bagi wanita dan memberikan akses kepada individu yang berkemampuan berbeza dalam bidang astronomi dan aktiviti yang



**HAKIM** Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Johar bin Haji Mohammad semasa merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PABD.

berkaitan dengannya.

Penyampaian sijil penghargaan juga telah diberikan kepada tujuh anggota PABD atas sumbangan luar biasa mereka kepada masyarakat dan kepada 11 Jawatankuasa Eksekutif PABD atas sumbangan cemerlang mereka dalam mengendalikan kerja-kerja kemasyarakatan.

Mesyuarat Agung Tahunan tersebut diakhiri dengan pelantikan Jawatankuasa Eksekutif PABD baharu dan cadangan aktiviti PABD untuk tahun 2021.

Seramai 11 Jawatankuasa Eksekutif PABD yang baru dipilih untuk Sesi 2021 / 2022 terdiri daripada Yang Dipertua, Awang Haji Mahadi bin Haji Md. Tahir; Naib Yang Dipertua, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop; Setiausaha Agung, Awang Hazary bin Haji Ali Ahmad; Timbalan Setiausaha I, Pengiran Shahdani bin Pengiran Anom; Timbalan Setiausaha II, Dr. Haji Md. Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan Bendahari Agung, Shaifulbahri bin Haji Ahmad.

Sementara itu, lima orang Ahli Eksekutif Biasa (Exco) yang dilantik ialah Awang Md. Qawien bin Haji Md. Jamil, Loo Kuan Look, Awang Mohammad Hussaini bin Ali Hassan, Dayang Nur Bazilah binti Zainal Abidin



**YANG** Dipertua PABD, Awang Haji Mahadi bin Haji Md. Tahir semasa ucapan alu-aluan.

dan Dayang Farah Laila Nabilah binti Abdullah Chia.

Dalam pada itu, PABD juga mengongsikan akan beberapa fenomena astronomi yang sangat mengagumkan bakal berlaku dalam tahun 2021 ini, iaitu seperti gerhana bulan penuh yang akan berlaku pada 26 Mei 2021 dan fenomena penghijab planet Marikh oleh Bulan.

PABD juga akan sentiasa berusaha untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk memerhati kejadian alam tersebut dan maklumat bagi kegiatan astronomi boleh melayari laman sesawang [www.bruneiastronomy.org](http://www.bruneiastronomy.org).

**Berita dan Foto :**  
Haji Ariffin Mohd. Noor /  
Morshidi

Lebih 40 orang Ahli PABD dan orang perseorangan menghadiri majlis berkenaan.

PABD ditubuhkan pada tahun 2003 dengan objektif untuk mempromosi dan melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan astronomi di negara ini.

Pada tahun 2020, PABD telah mengadakan pelbagai aktiviti kepada ahli dan orang awam untuk memberikan peluang kepada masyarakat menyaksikan fenomena astronomi tersebut serta buat julung kalinya juga, PABD mengadakan acara International Observe the Moon Night dalam bulan Oktober iaitu acara tahunan yang disokong oleh IAU dan National Aeronautics and Space Administration (NASA).

Selain itu, PABD juga berjaya menganjurkan cerapan secara dalam talian seperti Pemerhatian Gerhana Matahari Cincin pada 26 Disember 2019 dari Sri Aman, cerapan Gerhana Matahari Separa pada Jun 2020 dan cerapan fenomena astronomi yang jarang sekali berlaku pada 21 Disember 2020 Konjungsi Besar Musytari-Zuhal.



**SEBAHAGIAN** daripada Ahli-ahli PABD yang hadir pada majlis berkenaan.

## Penutupan sementara sebahagian jalan



**PENYAMBUNGAN** pembedungan di kawasan Kampung Kiulap dan Kampung Kiarong (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 10 Januari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada pengguna

jalan raya mengenai penutupan sementara sebahagian jalan di Simpang 88 dan Simpang 122 di Kampung Kiulap dan Simpang 97, Kampung Kiarong mulai pada Sabtu, 9 Januari 2021 sehingga

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Jabatan Kerja Raya

kerja-kerja selesai dilaksanakan.

Penutupan jalan di simpang tersebut adalah disebabkan oleh pelaksanaan kerja-kerja menanam paip dan membina lurang di kawasan-kawasan berkenaan bagi projek pembinaan pembedungan di kawasan Kampung Kiulap dan Kampung Kiarong.

Kerja pembinaan melibatkan pengorekan tanah sedalam 6 meter untuk menanam paip pembedungan berukuran 150mm dan 200mm diameter serta membuat penyambungan paip pembedungan ke sebahagian kawasan perumahan di Kampung Kiulap, Kampung Kiarong dan bangunan Kompleks Shakirin Simpang 88 Komersial Kiulap.

Sehubungan itu, JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Orang ramai juga dinasihatkan



untuk tidak meletakkan kenderaan di sepanjang simpang-simpang yang berkenaan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi JKR

melalui Talian Darussalam : 123 atau Livechat +673 8333123, media sosial Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn).